



LEMBAGA SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR, SARAWAK (NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT BOARD, SARAWAK)

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan ditutup bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

1) Jawatan : **PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)**
: (1 Kekosongan – Kuching)

2) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan

3) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Kewangan

4) Jadual Gaji : Gred W17

P1T1	RM821.89	-	P1T22	RM2,152.86
P2T1	RM873.32	-	P2T22	RM2,274.01
P3T1	RM926.26	-	P3T22	RM2,399.46

5) Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek matematik pada peperiksaan tersebut;
atau

ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: P1T2); atau

iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji Permulaan ialah pada Gred W17: P1T5); atau

- iv) Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W17:P1T9);

dan

- b) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- 6) Taraf Jawatan : Jawatan Berasaskan Caruman
- 7) Tempoh Percubaan : 1 hingga 3 tahun
- 8) Pengesahan Dalam dalam Perkhidmatan : Calon-calon yang dilantik adalah layak disahkan perkhidmatan apabila telah:
- i) Memenuhi tempoh percubaan;
 - ii) Hadir dengan jayanya Kursus Induksi serta lulus peperiksaan awam yang telah ditetapkan; dan
 - iii) Diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- 9) Penetapan Gaji Permulaan : Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar, Sarawak berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- 10) Pergerakan Gaji Tahunan : Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 11) Cara-cara Memohon
- a) Permohonan hendaklah dibuat secara *online* sahaja dengan melayari laman web di alamat seperti berikut: www.nreb.gov.my
 - b) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan jabatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Pihak berkuasa Tempatan hendaklah membawa Surat Pengesah daripada Ketua Jabatan semasa menghadiri temuduga nanti.
- 12) Tarikh Tutup : **31 Mei 2011**
- 13) Perhatian

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Sekiranya anda tidak menerima sebarang maklumbalas selepas tempoh tiga bulan dari tarikh tutup permohonan maka permohonan anda adalah tidak berjaya.